

**TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAACOB  
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

**SEMPENA**

**MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN KKLW  
APRIL 2017**

**DEWAN SRI LESTARI  
ARAS 1**

**3 APRIL 2017 (ISNIN)  
WAKTU KETIBAAN : 10:00 PAGI**

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.

YB Datuk Alexander Nanta Linggi dan YB Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub,  
Timbalan-timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

YBhg Dato' Azizan bin Mohamad Sidin dan YBhg. Dato' Dr. Ahmad Jailani bin  
Mohamed Yunus,  
Timbalan-timbalan Ketua Setiausaha Kementerian,

Ketua-ketua Pengarah, Pengurus Besar, Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua-ketua  
Jabatan dan Agensi,

Setiausaha-setiausaha Bahagian, Ketua-ketua Unit, Pegawai-pegawai Kanan  
Kementerian,  
Rakan-rakan media,

YB Dan YBhg. Dato'-Dato' dan Datin-Datin, Tuan/Puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya kita dapat bersama-sama pada hari ini untuk mengadakan **Majlis Perhimpunan Bulanan KKLW bagi bulan April 2017**. Begitu pantas masa berlalu, tanpa kita sedari kita kini telah berada di minggu pertama, suku tahun pertama tahun 2017.

2. Walau bagaimanapun, saya percaya semangat seluruh warga KKLW dan juga agensi-agensi di bawahnya masih membara untuk terus memastikan agenda pembangunan luar bandar sebagai keutamaan dalam penyampaian perkhidmatan KKLW tahun ini.

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

## **PROGRAM DAN AKTIVITI KKLW**

### **3. TRANSFORMASI NASIONAL 50 (TN50)**

Kementerian telah berjaya melaksanakan **siri pertama Bicara Komuniti TN50** pada 23 Mac 2017 di Kuala Lumpur dengan penglibatan **ikon-ikon belia** dalam bidang-bidang seperti **keusahawanan, pendidikan, hiburan** dan lain-lain.

Respon daripada peserta-peserta program juga sangat mengujakan dengan pelbagai cadangan dan idea-idea orang muda.

□ TN50 adalah **cetusan idea** Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak Perdana Menteri Malaysia dalam Ucapan Bajet 2017. Ianya adalah satu **inisiatif untuk membina masa depan negara** sehingga tahun 2050 yang dirangka bagi memastikan negara bersedia menghadapi masa depan yang lebih mencabar.

□ TN50 juga adalah **inisiatif jangka panjang** untuk membentuk Malaysia yang mempunyai aspirasi **hasil suara rakyat** iaitu inisiatif yang menjadi panduan melangkaui tahun 2020.

□ Program TN50 ini adalah bertujuan **merekod aspirasi rakyat** Malaysia daripada generasi muda dengan **meransang pemikiran, ekspresi** dan **pendampingan rakyat** terhadap masa depan Malaysia.

□ Antara rumusan yang saya sebutkan dalam program Bicara Komuniti TN50 ini adalah **kurangnya kemahiran berkomunikasi** dalam kalangan belia masa kini. Kemahiran berkomunikasi inilah menjadi **penyebab golongan belia tidak berani ke hadapan** untuk menyampaikan idea-idea mereka.

□ Selain itu, kalangan belia harus **menguasai dunia digital** untuk maju ke hadapan bersaing dengan belia-belia lain di luar sana bukan sahaja di peringkat *local* tetapi juga di peringkat global.

#### **4. MEMORANDUM PERSEFAHAMAN RISDA DENGAN PEMBIAYA RUMAH BINA NEGARA (RBN)**

□ KKLW melalui Agensinya, RISDA telah berjaya merangka satu lagi fasa pembangunan Transformasi Luar Bandar "Membandarkan Luar Bandar" demi pembangunan belia luar bandar dengan memberi **keutamaan** kepada **penyediaan perumahan generasi kedua luar bandar**.

□ Penghargaan kepada **Bank Muamalat dan Agro Bank Malaysia** kerana bersedia untuk mengukuhkan lagi hubungan melalui MOU dalam pembiayaan pinjaman perbankan untuk Program Rumah Bina Negara (RBN).

□ Saya percaya dengan pembiayaan pinjaman yang ditawarkan oleh kedua-dua institusi perbankan ini memudahkan lagi pemohon RBN untuk memiliki rumah sendiri seterusnya hasrat Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) untuk mencapai **3,000 unit RBN** dibina sepanjang tahun ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

- Program RBN yang dilaksanakan oleh RISDA merupakan salah satu usaha Kerajaan melalui KKLW untuk membolehkan **golongan belia luar bandar memiliki rumah mampu milik**. Kerajaan sentiasa peka dan mengambil berat tentang pemilikan rumah mampu milik.
- Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Kerajaan bagi **meningkatkan taraf pemilikan ekuiti dan kedudukan ekonomi orang Melayu serta bumiputera** di negara ini. Salah satu dari strategi untuk mencapai matlamat ini adalah menerusi **Pembangunan Infrastruktur Bagi Rumah Generasi Kedua** yang telah diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia dalam ucapan Bajet 2017. Sebanyak **RM200 juta** diperuntukkan bagi melaksanakan Program RBN ini yang dikendalikan oleh RISDA dan FELCRA.
- **RISDA** melaksanakan pembinaan berkonsepkan **rumah sebuah** manakala **FELCRA** membina secara **berkelompok** di kawasan-kawasan yang ditetapkan oleh pihak FELCRA sendiri. RBN RISDA yang pertama telah dilancarkan di Kampung Bintang, Temerloh Pahang dan pembinaannya semakin rancak dijalankan di seluruh Negara. Setakat ini RISDA telah meluluskan **497 daripada 1,518 permohonan** yang diterima.
- Harga kos RBN sebenarnya adalah **RM65,000**, namun dengan inisiatif Kerajaan memberikan insentif sebanyak **RM20,000** menjadikan harga rumah lebih rendah kepada **RM45,000** sahaja. Rumah berkeluasan **700 kaki persegi** dengan **tiga bilik tidur dan dua bilik air** termasuk kelengkapan asas **seperti lampu, kipas dan juga bekalan air**. RBN terbuka kepada semua belia luar bandar berumur **18 hingga 45 tahun dan perlu dibina di tanah milik sendiri atau ibu bapa**.
- Bagi pembinaan RBN di **Sabah dan Sarawak**, pihak Kementerian berhasrat untuk mengekalkan harga pada kadar yang sama iaitu **RM45,000**. Kita sedar kos bahan untuk pembinaan lebih mahal di Sabah dan Sarawak namun **matlamat KKLW yang utama adalah untuk membantu belia luar bandar memiliki rumah** terutama bagi mereka yang telah berkahwin dan masih tinggal bersama ibu bapa serta membantu mengurangkan kos sara hidup.
- Justeru, melalui MoU ini, pihak KKLW juga berhasrat memudahkan pembiayaan pemohon terutama **belia yang tidak mempunyai penyata pendapatan / slip gaji** khususnya yang bekerja di sektor perladangan, pertanian dan industri desa. Selain itu, melalui produk yang ditawarkan oleh institusi kewangan ini keutamaan pembinaan RBN turut diberikan kepada **pesara atau bakal pesara tentera** yang akan berpencen.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

## 5. MRSM MENERUSKAN LEGASI KECEMERLANGAN PENDIDIKAN

- Keputusan SPM 2016 telah diumumkan pada 16 Mac 2017 dan MRSM meneruskan legasi kecemerlangan pendidikan MARA di mana **48 buah MRSM** seluruh Malaysia telah berjaya mencapai prestasi cemerlang dengan mengekalkan **100% gred lulus**.
- Seramai **1,129 calon** daripada **7,370 calon** berjaya memperoleh **9A ke atas** iaitu meningkat kepada **15.3% berbanding 14.69%** pada tahun **2015**.
- Antara MRSM yang menunjukkan peningkatan cemerlang ialah **MRSM Tun Ghafar Baba**, diikuti oleh **MRSM Taiping**, **MRSM Kuantan**, MRSM Alor gajah, MRSM Tun Dr Ismail, MRSM Batu Pahat dan MRSM Langkawi.
- **Peningkatan tertinggi** dalam mata pelajaran teras iaitu **Bahasa Inggeris dan Pendidikan Islam** iaitu sebanyak **0.34%** manakala **peningkatan positif** dalam **mata pelajaran elektif** (Biologi, Pendidikan Seni Visual dan Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah).
- *Gateway To Holistic Education* yang menjadi kerangka kepada Sistem Pendidikan MRSM yang memfokuskan kepada STREAM (*Science, Technology, Religion, Engineering, Arts, Mathematics*) telah berjaya melahirkan pelajar-pelajar yang cemerlang dan holistik. Tahniah MARA.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

## 6. PROGRAM SIJIL TADBIR URUS DESA INFRA - UNIKL DAN MAJLIS MUAFAKAT DESA

- Seramai **700 orang** JKJK, JKKKP dan JKKKOA dari Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Selangor adalah **kumpulan pertama** peserta program **Sijil Tadbir Urus Desa INFRA - UniKL**. Kursus intensif **3 hari** ini adalah **nilai tambah** dan **rangkuman dari kursus-kursus jangka pendek** yang telah dihadiri oleh JKJK, JKKKP dan JKKKOA sama ada di INFRA atau anjuran pihak-pihak lain berkaitan tugas selaku pemimpin di peringkat akar umbi.
- Kementerian juga komited untuk memastikan institusi JKJK berada pada standard yang boleh dibanggakan. Justeru, kesemua lebih **16,000** JKJK, JKKKP dan JKKKOA akan dipastikan untuk mengikuti program Sijil Tadbir Urus Desa seperti ini.
- Program ini secara langsung berjaya **merealisasikan** salah satu **inisiatif** di bawah **Pelan Transformasi Luar Bandar** untuk **memperkasakan JKJK** melalui

modul-modul kursus dalam program ini seperti **kepimpinan, keusahawanan, pengurusan kewangan, pemantauan projek dan pentadbiran serta penyediaan pelan strategik desa** dapat membantu **memperkukuhkan peranan JKKK sebagai pentadbir desa yang cekap dan profesional** setanding pentadbir perkhidmatan awam.

□ Selain itu, **Suruhanjaya Pilihanraya (SPR)** juga telah **bersetuju bekerjasama** dengan KKLW untuk mengendalikan modul yang berkait langsung dengan tugas **JKKK sebagai Penolong Pendaftar Pilihanraya**. Sebagai Penolong Pendaftar Pilihanraya, JKKK haruslah mempertingkatkan usaha untuk memastikan **anak-anak muda** di kampung masing-masing yang telah layak **mengundi, mendaftar sebagai pemilih**. Aktiviti penerangan bagi membangkitkan kesedaran kepada tanggungjawab sebagai pemilih berdaftar boleh dilaksanakan secara berterusan khususnya kepada golongan belia. Ini dapat **meningkatkan bilangan pengundi** dan **sokongan berterusan kepada Kerajaan** demi kelangsungan masa hadapan anak bangsa kita.

□ Kementerian sentiasa berusaha untuk membantu JKKK agar dapat melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan lebih efisien. Justeru, satu lagi **platform engagement** bersama JKKK iaitu **Majlis Permuafakatan** di antara saya selaku Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah bersama JKKK atau nama ringkasnya **Majlis Muafakat Desa** diperkenalkan.

□ Melalui platform ini, pelbagai perkara dapat dibincangkan bagi memastikan **rakyat di luar bandar terus mendapat perhatian dan pembelaan** dari Kerajaan. Ia juga dapat memastikan segala agenda **pembangunan yang telah dirancang** oleh Kerajaan **dapat dilaksanakan dengan baik** menerusi sokongan padu JKKK yang **menerajui kepimpinan di peringkat akar umbi**.

□ Selain itu, usaha dalam menjaga kepentingan JKKK, Kementerian juga telah melaksanakan **pembayaran elaun JKKK** setiap bulan melalui **Electronic Fund Transfer (EFT)** ke akaun-akaun peribadi JKKK bagi memastikan urusan **pembayaran elaun lebih efisien**. Walau bagaimanapun, masih terdapat pembayaran elaun JKKK beberapa buah negeri diuruskan oleh Kerajaan Negeri.

## **7. PENUTUP**

Para hadirin, Tuan-tuan dan puan-puan yang saya kasihi sekalian,

□ Selain program-program yang saya sebutkan tadi, terdapat juga beberapa program sektor keusahawanan yang telah berjaya dilaksanakan seperti **Pelancaran Skim Pembiayaan Perniagaan Khas Wanita (DanaNITA)** dan **Anugerah Usahawan MARA (AURA)**. Program-program ini adalah sebagai pemacu pembangunan usahawan bumiputera iaitu masyarakat kelas menengah

yang meningkatkan Status Sosio Ekonomi (SES) Bumiputera dan seterusnya menjadi pemangkin atau *catalyst* pembangunan negara.

□ Walaupun secara keseluruhannya, Kementerian dan agensi-agensi berjaya melaksanakan hampir semua projek yang disasarkan dalam tempoh suku pertama tahun ini, namun saya menaruh harapan yang tinggi kepada tuan-tuan dan puan-puan untuk menggandakan usaha pada tahun ini bagi memastikan setiap amanah dan tanggungjawab dapat digalas dengan lebih sempurna lagi.

□ Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penganjuran majlis ini. Semoga majlis kita pada hari ini mendapat keberkatan daripada Allah SWT dan seterusnya menjadi pemangkin semangat untuk kita memajukan masyarakat luar bandar secara menyeluruh.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.